

Berlusconi nafi pertimbang letak jawatan sebagai PM Itali
AFP News
November 08, 2011

ROME 8 Nov. - Perdana Menteri Itali, Silvio Berlusconi semalam menafikan laporan yang mengatakan beliau bakal meletakkan jawatan, lapor agensi berita ANSA.

"Khabar angin tersebut tidak berasas dan saya tidak faham kenapa ia boleh tersebar," katanya.

Pemimpin Parti Kebebasan Rakyat, Fabrizio Cicchitto berkata, Berlusconi ada memberitahunya yang laporan mengenai peletakan jawatan itu tidak benar.

Sementara itu, pasaran saham Itali jatuh mendadak ekoran penyebaran khabar angin tersebut serta kadar pinjaman jangka masa panjang mencatatkan rekod tertinggi. - AFP

Copyright © AFP 2011

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1108&pub=Utusan_Malaysia&ec=Terkini&pg=bt_03.htm